



Kenyataan Media

INSENTIF PENGURANGAN KOMPAUN 2015

SEMPENA PELANCARAN E-KOMPAUN DI LAMAN SESAWANG SSM

Kuala Lumpur, 8 September 2015 – Bermula pada 1 September 2015, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah memperkenalkan perkhidmatan semakan status kompaun melalui module *e-kompaun* di laman sesawang www.ssm.com.my

Individu, pemilik perniagaan, syarikat serta pengarah-pengarah syarikat boleh membuat semakan berhubung notis kompaun yang dikeluarkan melibatkan pelbagai kesalahan di bawah Akta-Akta yang dikawal selia oleh SSM.

Semakan boleh dilakukan dengan memasukkan nombor kad pengenalan atau nombor syarikat/nombor pendaftaran perniagaan. Sekiranya terdapat notis kompaun tertunggak, paparan nombor notis kompaun berserta nombor entiti (nombor kad pengenalan atau nombor syarikat/nombor pendaftaran) akan dipaparkan di skrin semakan *e-kompaun* tersebut.

Lanjutan daripada perkara di atas SSM dengan ini ingin memaklumkan bahawa **insentif pengurangan kompaun ditawarkan berkuatkuasa pada 9 September 2015 sehingga 31 Disember 2015** bagi membolehkan komuniti korporat menjelaskan kompaun tertunggak dengan SSM.

Insentif pengurangan kompaun di atas dilaksanakan melalui pendekatan '**THE MORE YOU DELAY, THE MORE YOU PAY**'. Ini bermakna lebih cepat kompaun dibayar, lebih banyak pengurangan kompaun akan diberikan.

Kadar peratusan pengurangan yang diberi adalah seperti jadual berikut:

Tempoh Bayaran	Kadar Pengurangan*
9 Sept 2015 – 30 Sept 2015	80%
1 Okt 2015 – 31 Okt 2015	70%
1 Nov 2015 – 30 Nov 2015	60%
1 Dis 2015 – 31 Dis 2015	50%

*Nota: Kadar pengurangan adalah dari nilai asal kompaun

SSM ingin menyarankan agar pihak-pihak yang berkaitan mengambil peluang ini untuk menjelaskan kompaun tertunggak bagi mengelakkan daripada tindakan mahkamah dimulakan pada masa akan datang. Pada waktu ini SSM sedang dalam proses memfailkan sejumlah 22,000 kes mahkamah terhadap syarikat dan pengarah-pengarah syarikat yang telah gagal mematuhi peruntukan asas Akta Syarikat 1965 melibatkan seksyen-seksyen 143, 165 dan 169 di atas.

Di samping itu insentif pengurangan kompaun pada kali ini merupakan **insentif terakhir** yang akan ditawarkan oleh pihak SSM mengambil kira ini merupakan kali kedua tawaran sebegini telah dibuat bagi membantu komuniti korporat menjelaskan kompaun tertunggak.

Bagi menikmati insentif di atas, pihak syarikat, pengarah-pengarah dan pemilik perniagaan yang berkaitan boleh hadir ke Tingkat 26, Bahagian Pematuhan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Menara SSM@Sentral, No. 7 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur

atau di mana-mana kaunter Pejabat Negeri Suruhanjaya Syarikat Malaysia di seluruh Negara.

Sebarang pertanyaan berkaitan perkara di atas boleh dirujuk kepada Pusat Panggilan SSM di talian 03-7721 4000, emel ar_compliance@ssm.com.my atau laman sesawang ssm di [www\(ssm.com.my](http://www(ssm.com.my).

**DIKELUARKAN OLEH : SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(SSM)**

TARIKH : 8 SEPTEMBER 2015

